

# Penulis turut kena tempias

Kosmo m/s 9 1/4/07

GOLONGAN penulis yang menjadi tulang belakang terhadap setiap penghasilan naskhah bacaan di negara ini turut tidak terlepas daripada terkena tempias kemurungan industri ini.

Novelis dan penulis skrip terkenal, Sharifah Abu Salem berpendapat industri murung disebabkan tiadanya aktiviti penulisan yang aktif untuk menarik lebih ramai penulis dan penerbit ke dalam bidang ini.

**FOKUS**



“Bengkel-bengkel penulisan yang ada sekadar dua atau tiga hari tidak cukup untuk menghasilkan penulis bermutu kerana ia merupakan satu proses yang panjang,” katanya apabila dihubungi *KOSMO! Ahad*.

Namun baginya, ini tidak bermakna hasil penerbitan negara kurang bermutu seperti yang digembar-gemburkan oleh beberapa pihak.

Malah beliau turut mengakui kini

negara menghadapi ketandusan penulis muda dan berbakat untuk memperbanyakkan terbitan buku di pasaran.

“Dalam masa jangka panjang, ketiadaan penulis pelapis akan memungkinkan industri buku kita ‘lenyap’ walaupun minat membaca semakin meningkat,” tambahnya.

Baginya, satu keseimbangan perlu ada dalam industri ini agar tiada pihak yang tertinggal dan rugi.

Dalam pada itu, novelis genre seram, Ramlee Awang Murshid ber-

pendapat sudah tiba masanya penulis sendiri menetapkan standard kualiti dalam menghasilkan bahan bacaan.

“Sekiranya ada pengawalan kualiti ini, saya yakin penerbit tidak akan main-main dalam menerbitkan buku-buku di pasaran,” saranannya.

Novelis kisah benar dan buku resipi masakan, Norzailina Nordin pula menyatakan perjalanan industri buku di Malaysia masih lagi jauh dan memerlukan pelbagai pendekatan untuk meningkatkannya.

“Penghasilan buku-buku kreatif

memang memonopoli pasaran namun itu saja tidak cukup kerana bahan bacaan dalam bidang akademi juga sama penting,” katanya.

Beliau juga berpendapat kuantiti saja tidak boleh dijadikan kayu pengukur naik turun perkembangan industri ini kerana ia bergantung kepada banyak faktor.

“Persaingan golongan penerbit yang berlumba-lumba menerbitkan bahan bacaan kadang kala membuatkan mereka terlepas pandang aspek kualiti,” katanya.